

GARIS PANDUAN MENGISI BORANG 1A

1. **Sila baca dengan teliti** dan semua ruangan yang berkaitan hendaklah **diisi dengan lengkap**.
2. Sebarang **kesilapan dalam pengisian borang ini** boleh menyebabkan permohonan bagi kertas undi pos **ditolak**.
3. Anda hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa anda **merupakan seorang pemilih berdaftar dalam Bahagian Pilihan Raya Negeri Selangor**. Anda dinasihatkan agar menyemak maklumat pendaftaran bagi mengetahui butiran bahagian pilihan raya anda di laman web SPR di www.spr.gov.my atau pada aplikasi mudah alih MYSPR Semak atau sms kepada 15888.

Bahagian A

- i. **Nama penuh** hendaklah diisi dengan HURUF BESAR mengikut nama seperti dalam kad pengenalan
- ii. Isikan nombor Kad Pengenalan/Polis/Tentera
- iii. **Alamat** hendaklah diisi dengan jelas dan lengkap kerana sampul dan kertas undi akan dihantar ke alamat yang dinyatakan
- iv. **Anda diminta mengisi tanda (/) pada salah satu kategori pemilih** yang berhak memohon mengundi secara pos seperti yang berikut:
 - Anggota tentera yang tidak dapat hadir pada hari mengundi awal kerana diarah oleh pihak berkuasa ATM menjalankan tugas
 - Anggota polis yang tidak dapat hadir pada hari mengundi awal kerana diarah oleh pihak berkuasa PDRM menjalankan tugas
 - Pegawai dan petugas pilihan raya yang dilantik seperti Pegawai Pengurus, Penolong Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, Penyelia Pusat Mengundi, Kerani Pengundian dan lain-lain lagi
 - Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya
 - Pekerja media – tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh SPR

Bahagian B

- i. Isikan Parlimen/DUN dan negeri di mana anda didaftarkan di dalam ruangan yang berkaitan
- ii. Anda diminta mengisi tarikh permohonan dan menurunkan tandatangan di dalam ruangan yang berkaitan

Bahagian C

Bahagian ini perlu diisi oleh mana-mana pihak yang mempunyai kuasa untuk memperakukan permohonan ini secara sah dan mengetahui bahawa penama akan menjalankan tugas tertentu pada hari mengundi awal atau hari mengundi.

- i. Buat garisan pada perkataan hari mengundi awal **atau** hari mengundi
 - *hari mengundi awal – Untuk tentera atau polis
 - *hari mengundi – Untuk pegawai atau petugas pilihan raya dan pekerja media
- ii. Nyatakan sebab penama berkenaan diperakukan untuk diberi kemudahan mengundi secara pos
- iii. Isikan tarikh dan turunkan tandatangan serta cap rasmi jawatan di dalam ruangan yang berkaitan

Bahagian D

Bahagian ini TIDAK PERLU DIISI kerana ia adalah untuk kegunaan Pejabat sahaja.